

**HUBUNGAN ANTARA AMALAN PEMATUHAN  
SOP COVID-19 DAN TEKANAN DI TEMPAT  
KERJA: KAJIAN KES JABATAN BOMBA DAN  
PENYELAMAT BANDAR BARU SELAYANG,  
SELANGOR DARUL EHSAN**

**MOHD AZZILAN BIN AKUB**

**FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

**2021**



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**HUBUNGAN ANTARA AMALAN PEMATUHAN  
SOP COVID-19 DAN TEKANAN DI TEMPAT  
KERJA: KAJIAN KES JABATAN BOMBA DAN  
PENYELAMAT BANDAR BARU SELAYANG,  
SELANGOR DARUL EHSAN**

**MOHD AZZILAN BIN AKUB**

**TESIS INI DIJALANKAN UNTUK MEMENUHI  
KEPERLUAN PENGIJAZAHAN IJAZAH SARJANA  
MUDA HUBUNGAN INDUSTRI**

**FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAN  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

**2021**



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## **PENGESAHAN PENYELIA LATIHAN ILMIAH**

NAMA : MOHD AZZILAN BIN AKUB  
NO MATRIK : BA18110217  
TAJUK : HUBUNGAN ANTARA AMALAN PEMATUHAN SOP COVID-19  
DAN TEKANAN DI TEMPAT KERJA: KAJIAN KES JABATAN  
BOMBA DAN PENYELAMAT BANDAR BARU SELAYANG, SELANGOR  
DARUL EHSAN  
IJAZAH : SARJANA MUDA SAINS SOSIAL (HUBUNGAN  
INDUSTRI)

DISAHKAN OLEH;

### 1. PENYELIA

SALMIE BINTI JEMON  
(Nama Penyelia)

\_\_\_\_\_  
(Tandatangan)



## **PENGAKUAN PELAJAR**

Saya Mohd Azzilan Bin Akub dengan ini mengakui bahawa Tesis Latihan Ilmiah Sarjana Muda Sains Sosial dengan kepujian Hubungan Industri yang bertajuk "Hubungan Antara Amalan Pematuhan SOP COVID-19 Dan Tekanan Di Tempat Kerja: Kajian Kes Jabatan Bomba Dan Penyelamat Bandar Baru Selayang, Selangor Darul Ehsan" adalah hasil usaha saya sendiri melainkan ringkasan dan petikan yang setiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

---

(MOHD AZZILAN BIN AKUB)

BA18110217

Program Hubungan Industri



## PENGHARGAAN

Syukur alhamdulillah di atas limpah dan kurnian-Nya, pengkaji dapat menyiapkan penulisan tesis ini dipermudahkan, Alhamdulillah. Tujuan tesis ini dilakukan adalah untuk memenuhi syarat bergraduasi dan melalui penulisan tesis ini, pengkaji berharap dapat memberi sumbangan kepada penambahan ilmu pengetahuan kepada para pembaca dan para pengkaji di masa akan datang khususnya bagi mereka yang bergelar pelajar hubungan industri.

Jutaan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan turut pengkaji ingin tujuhkan kepada Puan Salmie Binti Jemon selaku penyelia sepanjang pengkaji menjalankan kajian ini. Kesabaran dan kesudian beliau dalam membimbing serta memberi tunjuk ajar, memberi sokongan dari segi ilmu pengetahuan, idea berkaitan kajian ini amatlah saya hargai walaupun hakikatnya beliau sibuk dengan komitmen lain. Tidak dilupa juga ucapan ribuan penghargaan dan terima kasih kepada pensyarah hubungan industri yang lain yang turut membantu pengkaji dengan pengalaman, perkongsian ilmu pengetahuan dan maklumat mereka sepanjang pengkaji menjalankan kajian ini.

Di samping itu, buat ibu bapa tercinta iaitu Akub Bin Kalim dan Lily Binti Malkus, ucapan terima kasih yang tidak terhingga saya ucapkan kerana berkat doa dan sokongan moral yang diberikan sungguh bernilai sehingga pengkaji mampu menyiapkan tesis ini dengan jayanya. Tidak dilupa, buat kawan-kawan terutamanya Muhammad Nurhaizal, Mohd Sahril dan Pg Mohd Zulhajizie, ribuan terima kasih turut saya ucapkan kerana sudi berkongsi ilmu, idea dan bantuan sepanjang kajian ini dilakukan.

Akhir kalam, ribuan terima kasih kepada semua responden yang telah memberikan kerjasama yang padu dan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam kajian ini. Hanya Allah yang dapat membalas budi baik anda.

## ABSTRAK

Kajian ini dijalankan bagi mengkaji hubungan antara amalan pematuhan SOP COVID-19 dan tekanan di tempat kerja dalam kalangan petugas Jabatan Bomba Dan Penyelamat Bandar Baru Selayang, Selangor Darul Ehsan. Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengkaji tahap amalan pematuhan SOP COVID-19 di tempat kerja dan seterusnya mengenalpasti sama ada terdapat hubungan antara amalan pematuhan SOP COVID-19 dengan tekanan di tempat kerja dari aspek Kemurungan, Kegelisahan, dan tekanan semasa pandemik COVID-19. Kajian ini turut mengkaji perhubungan antara kedua-dua pemboleh ubah dalam kajian ini. Pendekatan kuantitatif telah digunakan dan borang soal selidik telah diedarkan melalui *Google Form* kepada 42 responden terpilih. Pengukuran Pemboleh ubah adalah berdasarkan Skala likert dan Skala DASS 21 dengan bantuan aplikasi Statistical package for social science (SPSS) versi 27. Berdasarkan kepada analisis Kolerasi Spearman's rho, Amalan Pematuhan SOP COVID-19 dari aspek Pemeriksaan Suhu Badan, Memakai Topeng Pelitup Muka, Mematuhi Penjarakan Sosial, dan Membasu tangan menggunakan sabun atau Hand Sanitizer tidak mempunyai hubungan yang signifikan dengan tekanan di tempat kerja semasa pandemik COVID-19. Hasil keputusan kajian ini merupakan sumbangan penemuan baru dalam kajian hubungan amalan pematuhan SOP COVID-19 dan tekanan di tempat kerja semasa pandemik COVID-19.

**Kata Kunci: Amalan Pematuhan SOP COVID-19, Tekanan.**

## **ABSTRACT**

*This study was conducted to examine the relationship between the practice of compliance with SOP COVID-19 and stress in the workplace among the staff of Jabatan Bomba Dan Penyelamat Bandar Baru Selayang, Selangor Darul Ehsan. The purpose of this study was to examine the level of SOP COVID-19 compliance practice in the workplace and further identify whether there is a relationship between SOP COVID-19 compliance practice with workplace stress from the aspects of Depression, Anxiety, and stress during COVID-19 pandemic. This study also examined the relationship between the two variables in this study. A quantitative approach was used and questionnaires were distributed via Google Form to 42 selected respondents. Measurement of variables is based on Likert Scale and DASS 21 Scale with the help of Statistical package for social science (SPSS) version 27. Based on Spearman's rho Correlation analysis, SOP COVID-19 Compliance Practice from the aspect of Body Temperature Examination, Wearing Face Mask, Compliance Social Imprisonment, and Washing hands using soap or Hand Sanitizer had no significant relationship with workplace stress during the COVID-19 pandemic. The results of this study constitute a contribution of new findings in a study of the relationship between COVID-19 SOP compliance practices and workplace stress during the COVID-19 pandemic.*

**Keywords: COVID-19 SOP Compliance Practices, Stress.**

## SENARAI KANDUNGAN

<b>PENGESAHAN PENYELIA LATIHAN ILMIAH</b>	i
<b>PENGAKUAN PELAJAR</b>	ii
<b>PENGHARGAAN</b>	iii
<b>ABSTRAK</b>	iv
<b>ABSTRACT</b>	v
<b>SENARAI KANDUNGAN</b>	vi-x
<b>SENARAI JADUAL</b>	xi-xii
<b>SENARAI RAJAH</b>	xiii
<b>SINGKATAN PERKATAAN</b>	xiii
<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	xiii

### **BAB 1**

#### **PENGENALAN**

1.0 Pengenalan	1
1.1 Latar Belakang Kajian	2-4
1.2 Permasalahan Kajian	5-9
1.3 Persoalan Kajian	9
1.4 Objektif Kajian	9-10
1.5 Hipotesis Kajian	10
1.6 Skop Kajian	10-11
1.7 Kepentingan Kajian	11-12
1.8 Definisi Operasional	12
1.8.1 Prosedur Operasi Standard (SOP)	12
1.8.2 Tekanan	13
1.8.3 Jabatan Bomba Dan Penyelamat	13



## **BAB 2**

### **SOROTAN LITERATUR**

2.0 Pengenalan	14
2.1 Konsep Tekanan Kerja	14-17
2.2 Konsep Prosedur Operasi Standard (SOP)	17-19
2.3 Kajian-Kajian Lepas	19
2.3.1 Kajian Berkaitan Pandemik COVID-19	19-36
2.3.2 Kajian Berkaitan Tekanan Kerja Semasa Pandemik COVID-19	36-43
2.4 Kerangka Konseptual	43-44
2.5 Model Kajian	45-46
2.6 Rumusan Bab	46-47

## **BAB 3**

### **METODOLOGI KAJIAN**

3.0 Pengenalan	48
3.1 Pendekatan Kaedah Penyelidikan Kuantitatif	48-49
3.2 Reka Bentuk Kajian	49-50
3.3 Kerangka Kajian	50-52
3.4 Persampelan Rawak Mudah ( <i>Simple Random</i> )	52
3.4.1 Populasi Kajian	53
3.4.2 Sampel	53
3.5 Instrumen Kajian	54-57
3.6 Ujian Kebolehpercayaan Dan Normaliti Terhadap Soal Selidik	57
3.6.1 Ujian Kebolehpercayaan Terhadap Amalan Pematuhan SOP COVID-19	57-58
3.6.2 Ujian Kebolehpercayaan Terhadap Tekanan Di Tempat Kerja	58
3.6.3 Ujian Normaliti Terhadap Pembolehubah Bebas Dan Pembolehubah Bersandar	58-59

3.7 Teknik Analisis Data	59-61
3.8 Rumusan Bab	61

## **BAB 4**

### **DAPATAN KAJIAN**

4.0 Pengenalan	62
4.1 Latar Belakang Responden	62
4.1.1 Analisis Demografi Responden	63-65
4.1.2 Jantina	65
4.1.3 Umur	65-66
4.1.4 Bangsa	66-67
4.1.5 Tahap Pendidikan	67
4.1.6 Taraf Perkahwinan	67-68
4.1.7 Gred Perkhidmatan	68
4.1.8 Tempoh Perkhidmatan	69-70
4.2 Analisis Data Amalan Pematuhan SOP COVID-19 di Tempat Kerja Semasa Pandemik COVID-19.	70
4.2.1 Pemeriksaan Suhu Badan	70-73
4.2.2 Memakai Topeng Pelitup Muka	73-75
4.2.3 Mematuhi Penjarakan Sosial	75-78
4.2.4 Membasuh Tangan Menggunakan Sabun atau Hand Sanitizer	78-81
4.3 Analisis Data Tekanan Di Tempat Kerja Semasa Pandemik COVID-19	81
4.3.1 Kemurungan	81-83
4.3.2 Kegelisahan	83-85
4.3.3 Tekanan	85-86
4.4 Purata Min Tahap Amalan Pematuhan SOP COVID-19 Di Tempat Kerja	87-88

4.5 Pengujian Hipotesis	88
4.5.1 Analisis Korelasi Spearman's rho	88-90
4.6 Ringkasan Pengujian Hipotesis	90
4.7 Rumusan Bab	91

## **BAB 5**

### **PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN**

5.0 Pengenalan	92
5.1 Perbincangan Objektif Kajian	92
5.1.1 Mengkaji Tahap Amalan Pematuhan SOP COVID-19 Di Tempat Kerja Dalam Jabatan Bomba Dan Penyelamat Bandar Baru Selayang Semasa Pandemik COVID-19	92-93
A. Pemeriksaan Suhu Badan	93-95
B. Memakai Topeng Pelitup Muka	95-96
C. Mematuhi Penjarakan Sosial	97-98
D. Membasuh Tangan Menggunakan Sabun Atau Hand Sanitizer	98-100
5.1.2 Mengenalpasti Hubungan Antara Amalan Pematuhan SOP COVID-19 Dan Tekanan Di Tempat Kerja Dalam Jabatan Bomba Dan Penyelamat Bandar Baru Selayang Semasa Pandemik COVID-19	100-101
A. Kemurungan	101-103
B. Kegelisahan	103-105
C. Tekanan	105-107
5.2 Implikasi Kajian	107

5.2.1 Aspek Teoritikal	108-109
5.2.2 Aspek Praktikal	109-110
5.3 Batasan Kajian	110-111
5.4 Cadangan Kajian Di Masa Hadapan	111-112
5.5 Rumusan Bab	112-113
<b>RUJUKAN</b>	114-119
<b>LAMPIRAN A</b>	120-125
<b>LAMPIRAN B</b>	125



## SENARAI JADUAL

Jadual 1: Populasi Petugas Operasi Kebombaan Dan Penyelamat Di Jabatan Bomba Dan Penyelamat Bandar Baru Selayang, Selangor Darul Ehsan	51
Jadual 2: Senarai Instrumen Kajian Yang Digunakan	53
Jadual 3: Pemilihan Jawapan Mengikut Skala Likert	55
Jadual 4: Pemilihan Jawapan Mengikut Skala DASS 21	57
Jadual 5: Hasil Ujian Kebolehpercayaan Amalan Pematuhan SOP COVID-19	61
Jadual 6: Hasil Ujian Kebolehpercayaan Tekanan Di Tempat Kerja	61
Jadual 7: Hasil Ujian Normaliti Kolmogorov-Smirnov Terhadap Pembolehubah Kajian	62
Jadual 8: Kaedah Analisis Data	63
Jadual 9: Analisis Demografi Responden	64
Jadual 10: Taburan Responden Mengikut Jantina	64
Jadual 11: Taburan Responden Mengikut Umur	65
Jadual 12: Taburan Responden Mengikut Bangsa	66
Jadual 13: Taburan Responden Mengikut Tahap Pendidikan	66
Jadual 14: Taburan Responden Mengikut Taraf Perkahwinan	67
Jadual 15: Taburan Responden Mengikut Gred Perkhidmatan	
Jadual 16: Taburan Responden Mengikut Tempoh Perkhidmatan	68
Jadual 17: Taburan Ke kerap an, Peratusan, Min Dan Sisihan Piawai Mengenai Pemeriksaan Suhu Badan	70
Jadual 18: Taburan Ke kerap an, Peratusan, Min Dan Sisihan Piawai Mengenai Memakai Topeng Pelitup Muka	71
Jadual 19: Taburan Ke kerap an, Peratusan, Min Dan Sisihan Piawai Mengenai Mematuhi Penjarakan Sosial	71
Jadual 20: Taburan Ke kerap an, Peratusan, Min Dan Sisihan Piawai Mengenai Membasuh Tangan Menggunakan Sabun	73

Atau Hand Sanitizer	
Jadual 21: Taburan Kekekapan, Peratusan, Min Dan Sisihan Piawai Mengenai Kemurungan	75
Jadual 22: Taburan Kekekapan, Peratusan, Min Dan Sisihan Piawai Mengenai Kegelisahan	76
Jadual 23: Taburan Kekekapan, Peratusan, Min Dan Sisihan Piawai Mengenai Tekanan	77
Jadual 24: Purata Min Tahap Amalan Pematuhan SOP COVID-19 Di Tempat kerja	79
Jadual 25: Hubungan Di Antara Amalan Pematuhan SOP COVID- 19 Dan Tekanan Di Tempat Kerja Dari Aspek Kemurungan, Kegelisahan, Dan Tekanan	80
Jadual 26: Kekuatan Hubungan Mengikut Nilai Pekali Korelasi	82
Jadual 27: Penyataan Keputusan Hipotesis	83

## **SENARAI RAJAH**

Rajah 1:	Hubungan Amalan Pematuhan SOP COVID-19 Dan Tekanan Di Tempat Kerja	43
Rajah 2:	Hubungan Antara Tekanan Dan Amalan Pematuhan SOP COVID-19 Di Tempat Kerja	51

## **SINGKATAN PERKATAAN**

SOP:	Standard Operating Prosedures
PKP:	Perintah Kawalan Pergerakan
PPE:	Personal Protective Equipment
JBPM:	Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia
%:	Peratus
KKM:	Kementerian Kesihatan Malaysia

## **SENARAI LAMPIRAN**

- Lampiran A: Borang Soal Selidik
- Lampiran B: Keputusan Peratusan Turnitin

# **BAB 1**

## **PENGENALAN**

### **1.0 Pengenalan**

kajian ini adalah bertujuan untuk melihat hubungan antara tekanan dan amalan pematuhan sop covid-19 di tempat kerja dalam kalangan petugas Jabatan Bomba dan Penyelamat Bandar Baru Selayang, Selangor Darul Ehsan. Dalam konteks ini, kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti komponen-komponen tekanan yang wujud di dalam kalangan petugas Jabatan Bomba dan Penyelamat Bandar Baru Selayang, Selangor akibat daripada Amalan Pematuhan SOP COVID-19 ditempat kerja semasa Pandemik COVID-19. Oleh itu, bab ini akan membincangkan hubungan antara tekanan dan amalan Pematuhan SOP COVID-19 di tempat kerja dalam Jabatan Bomba dan Penyelamat Bandar Baru Selayang, Selangor Darul Ehsan yang menjadi tunjang dalam kajian ini.

Sehubungan dengan itu, dalam bab ini, pengkaji akan mempersembahkan perkara-perkara yang berkaitan hubungan tekanan terhadap Amalan Pematuhan SOP COVID-19 di tempat kerja dalam kalangan petugas Jabatan Bomba dan Penyelamat Bandar Baru Selayang, Selangor semasa Pandemik COVID-19. Bagi menjayakan kajian ini beberapa keperluan data responden yang berbentuk kuantitatif akan dianalisis dan seterusnya dibincangkan dalam dapatan kajian. Oleh itu, kajian ini akan dijalankan dengan membincangkan mengenai latar belakang kajian, permasalahan kajian, persoalan kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, definisi kajian, sorotan kajian, metodologi kajian serta skop kajian. Berdasarkan tinjauan yang dibuat oleh pengkaji mendapati bahawa Hubungan antara tekanan dan amalan pematuhan SOP COVID-19 di Jabatan Bomba dan Penyelamat masih belum dikaji sepenuhnya.



## 1.1 Latar Belakang Kajian

Pengkaji telah membuat kajian di Jabatan Bomba dan Penyelamat Bandar Baru Selayang, Selangor Darul Ehsan. Jabatan Bomba dan Penyelamat Bandar Baru Selayang ini telah ditubuhkan pada 09 Mei 1994. Lokasi Balai Bomba Dan Penyelamat Bandar Baru Selayang ini terletak diantara Pejabat Kerja Raya (JKR) dan juga Pejabat Tenaga Nasional Berhad (TNB). Objektif penubuhan jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) ini adalah untuk memberi khidmat pencegahan dan pemadaman kebakaran, menguatkuasakan undang-undang yang berkaitan dengan aspek keselamatan dan memadam kebakaran serta menyediakan khidmat kemanusiaan yang cekap dan berkesan. Dalam konteks fungsi Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), ia dapat dilihat melalui mengikut peruntukkan di bawah Seksyen 5(1) & (2) di dalam Akta Perkhidmatan Bomba (Akta 341). Dengan itu, terdapat 11 bahagian dalam Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) iaitu bahagian Operasi Kebomgaan dan Penyelamat, Keselamatan Kebakaran, Latihan, Penyiasatan Kebakaran, Udara, Pembangunan, Perancangan dan Penyelidikan, Pengurusan Korporat, Pengurusan, Kejuruteraan Jentera, dan Unit Integriti. Namun demikian itu, kajian ini dijalankan akan tertumpu kepada bahagian Operasi Kebomgaan dan Penyelamat dalam Jabatan Bomba dan Penyelamat Bandar Baru Selayang, Selangor Darul Ehsan. Bahagian Operasi Kebomgaan dan Penyelamat ini terdiri daripada Seksyen Pengurusan Operasi yang merangkumi 3 Cawangan utama Cawangan Pengurusan Operasi Kebomgaan, Cawangan Pusat Pengurusan Operasi, dan Cawangan Pengurusan Pasukan Penyelamat. Oleh itu, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) ini merupakan salah satu pekerja barisan hadapan semasa pandemik COVID-19 dimana ia sangat banyak membantu dalam menjamin ketenteraman masyarakat semasa menghadapi krisis pandemik COVID-19.

Secara umumnya, petugas-petugas di Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) mempunyai peraturan-peraturan Prosedur Operasi Standard (SOP) yang diamalkan dan dilaksanakan sebelum dan selepas melaksanakan tugas mereka. Dalam konteks definisi, Prosedur Operasi Standard (SOP) adalah suatu arahan kerja dan garis

panduan terperinci berkenaan sesuatu tugas yang bertulis dan didokumentasikan dimana ia menjelaskan cara sesuatu tugas perlu dilaksanakan dan tindakan yang perlu diambil dalam pendekatan yang seragam dan konsisten. Prosedur Operasi Standard (SOP) ini sangat penting kerana ia bertujuan untuk mengurangkan salah faham dan kegagalan mengikut peraturan organisasi.

Menurut Joymalya Bhattacharya (2015), menyatakan bahawa Prosedur Operasi Standard (SOP) adalah satu set arahan bertulis yang mendokumentasikan aktiviti rutin atau berulang yang diikuti oleh pekerja dalam organisasi. Dalam kajian ini, menerangkan pembangunan dan penggunaan SOP adalah bahagian penting dalam sistem organisasi pekerja yang mampu memberikan maklumat untuk melakukan pekerjaan dengan baik dan konsisten untuk mencapai kualiti pekerjaan. Kajian ini telah disokong oleh Madhav Madhusudan Singh (2019) dengan mendefiniskan bahawa SOP adalah sebuah arahan bertulis yang mendokumentasikan aktiviti rutin atau berulang dimana ia bertujuan untuk mencapai keseragaman prestasi fungsi tertentu dan kualiti pekerjaan. Dengan itu, Amalan Pematuhan Prosedur Operasi Standard (SOP) dalam sesebuah organisasi pekerjaan dapat menjadi nadi penggerak kepada kejayaan dalam mencapai keseragaman prestasi dan kualiti pekerja dalam melaksanakan fungsi-fungsi mereka. Oleh itu, Amalan Pematuhan SOP merupakan set arahan yang didasari atas sistem kesegaraman prestasi dan kualiti yang diyakini kebenarannya dan ia telah menjadi sifat kebiasaan dalam melaksanakan tugas dan pekerjaan setiap hari (Madhav Madhusudan Singh, 2019).

Namun demikian itu, penularan pandemik COVID-19 yang secara mendadak di seluruh dunia pada bulan Mac 2020 telah memberikan impak yang besar terhadap Politik, Ekonomi, Sosial dan kehidupan masyarakat dunia secara menyeluruh. Dengan itu, pertubuhan Kesihatan Sedunia atau *World Health Organization* (WHO) telah mengisytiharkan Penularan wabak COVID-19 sebagai darurat global pada 11 Mac 2020. Penularan pandemik COVID-19 ini telah merebak di seluruh dunia yang mana telah menyebabkan ramai kematian dan sekaligus hampir melumpuhkan aktiviti-aktiviti ekonomi dan kehidupan sosial di setiap negara yang dijangkiti virus berkenaan (WHO,

2020). Menurut Evans (2020), menyatakan bahawa penularan wabak COVID-19 secara mendadak menyebabkan kesemua negara yang terlibat mengisytiharkan *Lock down* atau dikenali sebagai perintah kawalan pergerakan terhadap rakyatnya dan menutup sempadan negara mereka.

Dalam situasi ini, Penularan Pandemik COVID-19 secara mendadak di seluruh dunia termasuk negara Malaysia telah memberi impak kepada perkembangan dunia pekerjaan pada masa kini. Penularan COVID-19 ini telah menyebabkan berlaku perubahan dalam pengamalan budaya kerja dengan menerapkan amalan pematuhan SOP COVID-19 dalam sesebuah organisasi pekerjaan. Hal ini dapat dilihat apabila Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah menetapkan garis panduan pematuhan SOP baru yang dicadangkan oleh WHO (2020) semasa pandemik COVID-19 terhadap operasi pekerjaan seperti industri penginapan, kilang-kilang dan sebagainya.

Keadaan ini secara tidak langsung boleh memberi tekanan di tempat kerja dalam kalangan petugas Jabatan Bomba dan Penyelamat Bandar Baru Selayang yang terpaksa mematuhi amalan pematuhan SOP COVID-19 semasa pandemik COVID-19. Amalan Pematuhan SOP COVID-19 dalam kalangan petugas Jabatan Bomba dan Penyelamat Bandar Baru Selayang telah dilaksanakan dan dipatuhi semasa kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada 18 Mac 2020 dimana amalan pematuhan SOP COVID-19 dalam pekerjaan adalah untuk mengekang dan mengurangkan penularan COVID-19. Oleh itu, kajian ini akan dijalankan untuk mengkaji tahap amalan pematuhan SOP COVID-19 di tempat kerja. Antara-antara amalan pematuhan SOP COVID-19 yang ditetapkan dalam Jabatan Bomba dan Penyelamat Bandar Baru Selayang semasa Pandemik COVID-19 yang akan dibincangkan dalam kajian ini adalah pemeriksaan suhu, memakai topeng pelitup muka, mematuhi penjarakan sosial, dan kerap membasuh tangan sama ada menggunakan air dan sabun atau hand sanitizer. Seterusnya, pengkaji ingin mengenalpasti sama ada terdapat hubungan yang signifikan atau tidak antara Amalan Pematuhan SOP COVID-19 dengan tekanan di tempat kerja semasa pandemik COVID-19.

## 1.2 Permasalahan Kajian

Dalam permasalahan kajian ini, pengkaji melakukan kajian secara spesifik untuk membincangkan Hubungan Antara Amalan Pematuhan SOP COVID-19 Dan Tekanan Di Tempat Kerja: Kajian Kes Jabatan Bomba dan Penyelamat Bandar Baru Selayang, Selangor Darul Ehsan. Dalam konteks ini, kajian ini dijalankan untuk mengkaji tahap amalan pematuhan SOP COVID-19 ditempat kerja dalam kalangan petugas Jabatan Bomba dan Penyelamat Bandar Baru Selayang semasa pandemik COVID-19. Pengkaji juga ingin melihat sama ada terdapat hubungan yang signifikan atau tidak di antara amalan pematuhan SOP COVID-19 dan tekanan di tempat kerja semasa pandemik COVID-19. Penularan pandemik COVID-19 yang secara mendadak melalui peningkatan jumlah kes positif pesakit COVID-19 di Malaysia pada pertengahan Bulan Mac 2020 telah menyebabkan kerajaan Malaysia mengisytiharkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di semua sektor pekerjaan. keadaan ini secara tidak langsung telah menyebabkan kewujudan budaya kerja baru yang perlu mempraktikkan amalan pematuhan Standard Operating Procedure (SOP) bagi bertujuan mengekang dan mengurangkan penularan COVID-19 dalam sektor pekerjaan. Oleh itu, pengkaji memilih kajian ini adalah untuk mengkaji tahap Amalan Pematuhan SOP COVID-19 di tempat kerja dalam Jabatan Bomba dan Penyelamat Bandar Baru Selayang semasa pandemik COVID-19 iaitu pemeriksaan suhu badan sebelum dan selepas habis waktu bekerja, memakai topeng pelitup muka, mematuhi penjarakan sosial, dan kerap membasuh tangan sama ada menggunakan air dan sabun atau hand sanitizer. Pengkaji memilih kajian ini juga adalah untuk mengenalpasti sama ada terdapat hubungan yang positif atau tidak antara amalan pematuhan SOP COVID-19 dan tekanan di tempat kerja semasa pandemik COVID-19 dalam kalangan petugas Jabatan Bomba dan Penyelamat Bandar Baru Selayang.

Berdasarkan laporan Garis Panduan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan Semasa dan Pasca Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) COVID-19 Universiti Malaysia Sabah pada 12 Jun 2020 telah menunjukkan penerapan budaya kerja baru dengan melalui amalan pematuhan SOP COVID-19 di tempat kerja. Garis Panduan ini merangkumi panduan dan tatacara berkaitan keselamatan dan kesihatan pekerjaan yang perlu dipatuhi oleh

semua kakitangan yang bekerja dan berurusan dengan pekerja luar, pelawat serta pelajar di semua premis UMS semasa pandemik COVID-19 dengan mematuhi Garis Panduan Bekerja Norma Baharu, Universiti Malaysia Sabah, antara salah satunya garis panduan tersebut adalah wajib memakai topeng pelitup muka. Laporan ini menunjukkan bahawa Penularan Pandemik COVID-19 telah mewujudkan amalan pematuhan SOP COVID-19 yang perlu dipraktikkan di tempat kerja iaitu merangkumi pemeriksaan suhu badan sebelum dan selepas habis waktu bekerja, memakai penutup hidung dan mulut, mematuhi penjarakan sosial, mempraktikkan polisi tidak bersalaman dan kerap membasuh tangan sama ada menggunakan air dan sabun atau hand sanitizer, Jarak Ruangan kerja. Oleh itu, laporan tersebut menunjukkan bahawa kewujudan budaya kerja baru yang mempraktikkan amalan pematuhan SOP COVID-19 dalam kalangan kakitangan Universiti Malaysia Sabah adalah akibat daripada krisis pandemik COVID-19.

Manakala, berdasarkan kajian lepas yang telah dilakukan oleh Muhyiddin (2020) juga menunjukkan terdapat amalan pematuhan SOP COVID-19 di tempat kerja semasa pandemik COVID-19. Dalam kajian ini mendapati bahawa penularan Pandemik COVID-19 secara mendadak di Indonesia telah menyebabkan kerajaan Indonesia mengisytiharkan Lockdown dan menerapkan Norma baru dalam masyarakat termasuk golongan pekerja. Kehidupan norma baru ini merupakan cara untuk mencegah dan mengekang penularan COVID-19 dalam kalangan masyarakat. Dalam kajian ini, pengkaji menyatakan bahawa pengamalan norma baru memerlukan perubahan budaya kerja untuk menggerakkan ekonomi sesebuah negara. Dengan itu, kajian ini menunjukkan bahawa terdapat beberapa norma baru dalam budaya kerja akibat daripada pandemik COVID-19 dengan melalui mempraktikkan amalan Pematuhan SOP COVID-19 yang telah ditetapkan oleh pemerintah iaitu kerap mencuci tangan, menghindari daripada bersentuhan, menerapkan etika batuk dan bersin, menggunakan penutup muka dan hidung, dan jaga jarak sosial. Oleh itu, kajian ini jelas menunjukkan bahawa penularan pandemik COVID-19 telah membentuk norma baru dengan mempraktikkan amalan pematuhan SOP COVID-19 dalam semua sektor pekerjaan di negara Indonesia.

Seterusnya, laporan Prosedur Standard Operasi (SOP) Kebenaran Beroperasi Serta Pergerakan Pekerja bagi Syarikat-Syarikat dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (Kementerian Perdagangan Antarabangsa Dan Industri, 2020) juga menunjukkan penetapan budaya kerja yang baru. hal ini demikian kerana laporan ini menunjukkan bahawa pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) telah membawa kepada amalan Pematuhan Standard Operating Procedure (SOP) COVID-19 di tempat kerja. Antara-antara SOP COVID-19 yang perlu diikuti ialah Waktu beroperasi syarikat adalah tertakluk kepada tempoh waktu yang dinyatakan di dalam Prosedur Standard Operasi (SOP), Setiap pekerja dibekalkan alat pelindung diri bersesuaian seperti penutup hidung, topeng muka, apron plastik berlengan panjang dan sarung tangan yang bersesuaian secukupnya mengikut keperluan. Syarikat hendaklah menyediakan alat saringan suhu badan atau thermal scanner serta saringan gejala batuk, sakit tekak atau sesak nafas. Syarikat hendaklah menyediakan hand sanitizer / disinfecting kits di pintu masuk dan semua kawasan common area dan tempat-tempat lain yang berkaitan dalam kilang/ premis, serta pemakaian penutup muka dan hidung oleh setiap pekerja. Syarikat perlu sentiasa mengamalkan penjarakan sosial di premis. Oleh itu, laporan ini jelas menunjukkan bahawa penularan Pandemik COVID-19 telah membawa kepada mempraktikkan amalan pematuhan SOP COVID-19 di tempat kerja.

Di samping itu, berdasarkan laporan Kementerian Sumber Manusia pada 19 Mac 2020 berkaitan soalan lazim mengenai Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) juga turut mendapati bahawa kesan pelaksanaan PKP telah membawa kepada amalan pematuhan SOP COVID-19 dalam sektor pekerjaan. sepertimana berdasarkan laporan ini dibahagian lampiran 1 menunjukkan bahawa Majikan perlu mengambil langkah-langkah pematuhan SOP berpandukan Peraturan-Peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Langkah-Langkah di Dalam Kawasan Tempatan Jangkitan) 2020 di bawah Akta Pencegahan dan Kawalan Penyakit Berjangkit (Akta 342). Antara-antara peraturan yang ditetapkan terhadap majikan dalam amalan Pematuhan SOP COVID-19 ialah mengurangkan bilangan pekerja kepada tahap paling minima atau sekurang-kurangnya sebanyak 50% daripada jumlah semasa, menyediakan alat saringan suhu badan dan mengambil bacaan suhu badan pekerja pada setiap hari, menyediakan hand sanitizer,

melaksanakan proses sanitasi dan pembersihan, dan memastikan garis panduan amalan terbaik penjarakan sosial disediakan dan dilaksanakan. Dengan ini, jelas menunjukkan bahawa laporan ini mendapati bahawa pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) semasa Pendemik COVID-19 telah membawa kepada amalan pematuhan SOP COVID-19 di dalam sektor pekerjaan.

Seterusnya, dalam kajian yang dilakukan Dilaver Tengilimoğlu et al., (2021) menunjukkan bahawa penularan pandemik COVID-19 telah mewujudkan tekanan dalam kalangan pekerja kesihatan di Turki. Dalam kajian mereka ini menggunakan Skala DASS 21 yang dikembangkan Lovibond (1995) untuk mengukur data tahap kemurungan, kegelishan dan tekanan dalam kalangan pekerja kesihatan di Turki yang di sebabkan penularan pandemik COVID-19 sama ada akibat daripada amalan pematuhan SOP COVID-19 atau di sebabkan yang lain. Melalui kajian tersebut mendapati penyebab utama tekanan dalam kalangan pekerja kesihatan di Turki adalah berpunca daripada ketakutan terhadap menjangkitan virus COVID-19 kepada keluarga mereka. Hasil dapatan kajian ini juga menunjukkan tahap kemurungan, kegelishan dan tekanan di kalangan pekerja kesihatan wanita lebih tinggi berbanding daripada pekerja kesihatan lelaki. Dengan itu, jelaslah melalui kajian Dilaver Tengilimoğlu et al., (2021) ini memperlihatkan bahawa penularan pandemik COVID-19 telah menunjukkan terdapat hubungan yang positif antara amalan Pematuhan SOP COVID-19 dengan tekanan di tempat kerja dalam kalangan pekerja kesihatan yang meliputi kemurungan, kegelishan, dan tekanan.

Hasil daripada laporan-laporan dan kajian-kajian lepas tersebut, pengkaji mendapati bahawa hubungan amalan pematuhan SOP COVID-19 dan tekanan di tempat kerja semasa pandemik COVID-19 adalah amat penting untuk dikaji kerana terdapat pelbagai perbezaan isu-isu yang ditemukan pengkaji melalui laporan-laporan dan pengkaji-pengkaji terdahulu berkaitan dengan amalan pematuhan SOP COVID-19 dan tekanan di tempat kerja semasa pandemik COVID-19. Berdasarkan tinjauan yang dibuat oleh pengkaji mendapati bahawa hubungan antara amalan pematuhan SOP COVID-19 dan tekanan di tempat kerja semasa pandemik COVID-19 masih belum dikaji sepenuhnya.

Oleh itu, berdasarkan daripada permasalahan kajian tersebut dimana ia telah menimbulkan tanda tanya dalam menjalankan kajian ini kerana ia mempunyai pelbagai isu-isu yang boleh ditengahkan antara amalan pematuhan SOP COVID-19 dan tekanan di tempat kerja semasa Pandemik COVID-19. Berdasarkan dari permasalahan kajian tersebut, fokus utama kajian ini adalah untuk melihat bagaimana amalan pematuhan SOP COVID-19 mempunyai hubungan yang positif atau tidak dengan tekanan di tempat kerja semasa pandemik COVID-19 dalam Jabatan Bomba dan Penyelamat Bandar Baru Selayang, Selangor Darul Ehsan.

### **1.3 Persoalan Kajian**

Sehubungan dengan permasalahan kajian, pengkaji telah menetapkan dua persoalan dalam kajian ini yang akan menjadi panduan dalam menyempurnakan kajian ini. Secara keseluruhannya, persoalan kajian ini adalah seperti berikut:

1. Apakah Amalan pematuhan SOP COVID-19 yang dipraktikan di tempat kerja dalam kalangan petugas Jabatan Bomba dan Penyelamat Bandar Baru Selayang, Selangor Darul Ehsan semasa pandemik COVID-19?
2. Adakah terdapat hubungan yang positif di antara Amalan Pematuhan SOP COVID-19 dan tekanan di tempat kerja dalam kalangan petugas Jabatan Bomba dan Penyelamat Bandar Baru Selayang, Selangor Darul Ehsan semasa pandemik COVID-19?

### **1.4 Objektif Kajian**

Objektif kajian ini dilakukan bertujuan untuk:

1. Mengkaji tahap amalan pematuhan SOP COVID-19 di tempat kerja dalam Jabatan Bomba dan Penyelamat Bandar Baru Selayang semasa pandemik COVID-19.



## SENARAI RUJUKAN

- Andria Praghlapati. 2020. New Normal "Indonesia" After Covid-19 Pandemic. *Nursing Department, Faculty of Sport Education and Health Science, Universitas Pendidikan Indonesia*.
- Bjorn Meijers, Piergiorgio Messa & Claudio Ronco. 2020. Safeguarding the Maintenance Hemodialysis Patient Population During the Coronavirus Disease 19 Pandemic. *Blood Purification*. 49, 259–264.
- Boyd Sun Fatt et al. 2020. The Impact of COVID-19 Standard Operating Procedure for Businesses on Job Stress and Job Performance in Lodges and Homestays of Sukau, Kinabatangan. *Journal of Social Sciences and Humanities*. 4(1), 1-12.
- Dilaver Tengilimoğlu et al. 2021. Impacts of COVID-19 Pandemic Period on Depression, Anxiety and Stress Levels of The Healthcare Employees in Turkey. *Legal Medicine*. 48, 1-8.
- Dr. Khatijah Othman. 2020. New Norms Amid Movement Control Order of Covid-19. *Offstone Bulletin Editorial Advisory Board*. 27-29.
- Fauziah Musa dan Azra Ayue Abdul Rahman. 2020. Faktor-Faktor Tekanan Kerja Dalam Kalangan Pekerja Di Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Johor. *Jurnal Kemanusiaan*. 18(1), 37-43.
- Garis Panduan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan Semasa dan Pasca Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) COVID-19 di Universiti Malaysia Sabah. 2020. Universiti Malaysia Sabah. 1-16.
- Jose Z. Tria. 2020. The COVID-19 Pandemic through the Lens of Education in the Philippines: The New Norma. *International Journal of Pedagogical Development and Lifelong Learning*. 1(1).
- Joymalya Bhattacharya. 2015. Guidance for Preparing Standard Operating Procedures (Sops). *IOSR Journal of Pharmacy*. 5(1), 29-36.

- Kanyaka Prajnaparamitha & Mahendra Ridwanul Ghoni. 2020. Perlindungan Status Kerja dan Pengupahan Tenaga kerja dalam Situasi Pandemi COVID-19 Berdasarkan Perspektif Pembaharuan Hukum. *Administrative Law & Governance Journal*. 3(2), 314-328.
- Lazarus, R.S., and Folkman, S. 1984. *Stress Appraisal, and Coping*. New York: Springer.
- Lizbeth Soto Jacome et al. 2021. Impact of COVID-19 Pandemic on Ovarian Cancer Management: Adjusting to the New Normal. *Cancer Management and Research*. 13, 359–366.
- Lovibond, S.H. dan Lovibond, P.F. 1995. *Manual for the Depression Anxiety & Stress Scales*. (2nd Ed.) Sydney: Psychology Foundation.
- Madhav Madhusudan Singh. 2019. What Are The Sops (Standard Operating Procedures) And Its Benefits?, Dipetik dari [https://www.researchgate.net/publication/337074540\\_What\\_are\\_the\\_SOPs\\_Standard\\_Operating\\_Procedures\\_and\\_its\\_benefits](https://www.researchgate.net/publication/337074540_What_are_the_SOPs_Standard_Operating_Procedures_and_its_benefits). Pada 25 Jun 2020.
- Md Daud Ismail, Nur Syuhada Md Zain dan Roshayati Abdul Hamid. 2016. Pembelajaran, Tekanan dan Komitmen Belajar dalam Kalangan Pelajar Sains Sosial di Universiti Kebangsaan Malaysia. *Jurnal Personalia Pelajar*. 19(1), 55-64.
- Soalan Lazim Mengenai Perintah Kawalan Pergerakan. 2020. Kementerian Sumber Manusia. 1-11.
- Mo et al. 2020. Work stress among Chinese nurses to support Wuhan in fighting against COVID-19 epidemic. *Journal of Nursing Management*. 28(5), 1002-1009.
- Mohd Alif Jasni, Norruzeyati Mohd Che Nasir dan Mohd Nazri Ibrahim. 2020. Strategi Komunikasi dengan Gelandangan semasa Pandemi COVID-19: Pengalaman Sukarelawan Sepanjang Fasa Perintah Kawalan Pergerakan di Malaysia. *Forum Komunikasi*. 15(1), 57-91.

- Mohd Saipuddin Suliman et al. 2020. Impak Pandemik COVID-19 terhadap Bidang Bahasa, Sastera dan Budaya di Malaysia. *Journal of Malay Language, Education and Literature*. 12, 10-20.
- Muhammad Rizqi Agustino et al. 2020. Adaptasi dan Kebiasaan Baru Human Resource Department di Masa Pandemik Covid-19. *Business Innovation & Entrepreneurship Journal*. 2(3), 201-204.
- Muhyiddin. 2020. Covid-19, New Normal, dan Perencanaan Pembangunan di Indonesia. *The Indonesian Journal of Development Planning*. 4(2), 240-252.
- Nafisatul Hasanah et al. 2020. Penerapan Gerakan New Normal Pada Era Covid 19 Serta Perkembangan Perekonomian di Pasar ABC. *National Conference for Community Service Project (NaCosPro)*. 2(1), 302-315.
- Noriha Basir, Ina Suryani Ab Rahim & Mohamad Zaki Abdul Halim. 2020. Analisis Tingkah Laku Sosiologi Masyarakat Berasaskan Teori Interaksionisme melalui Perangkaan Data kes COVID-19 di Malaysia. *Journal of Malay Language, Education and Literature*. 11, 11-30.
- Nur Fadzlin Aisha dan Rumaizah Ruslan. 2020. Faktor-Faktor Tekanan Kerja Yang Mempengaruhi Keseimbangan Kehidupan Kerja Dalam Kalangan Jururawat. *Research in Management of Technology and Business*. 1(1), 381–390.
- Nurul Naimah Rose dan Mohd Yusri Mustafa. Tekanan dalam kalangan Wanita Bekerja: Khidmat Bantu Kaunseling Menggunakan Konsep Teori Tekanan Lazarus dan Praktis Terapi Berfokus Solusi. *Asian Social Work Journal*. 3(1), 28-34.
- Nursyazlin Yatie Mohd Zaidi dan Noraini Abdol Raop. 2017. Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Tekanan Kerja Dalam Kalangan Anggota Polis: Satu Kajian Di Kem Batalion 9 PGA Kuala Terengganu. *Jurnal Sains Sosial Malaysian*. 2(1), 103-116.

- Prosedur Standard Operasi (SOP) Kebenaran Beroperasi Serta Pergerakan Pekerja bagi Syarikat-Syarikat dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan. 2020. Kementerian Perdagangan Antarabangsa Dan Industri. 1-11.
- Prof Dr Ramli Musa. 2020. Depression Anxiety Stress Scale 21 Bahasa Malaysia, Dipetik dari <https://www.ramlimusa.com/questionnaires/depression-anxiety-stress-scale-dass-21-bahasa-malaysia/>. Pada 25 Jun 2021.
- Raine Vickers-Jones dan Fiona Kate Barlow. 2020. Effects of the COVID-19 Pandemic and Nationwide Lockdown on Trust, Attitudes Toward Government, and Well-Being. *American Psychologist*. 75(5), 618–630.
- Raniasari Bimanti Esthi. 2020. Strategi Sumber Daya Manusia Di Masa Pandemik Dan New Normal Melalui Remote Working, Employee Productivity, Dan Upskilling for Digital. *Jurnal Pengabdian Masyarakat*. 1(1).
- Restika Anindya Pinasti & Ernawati. 2020. Literature Review: Dental Practice Management in the New Normal Era and Prevention Measures Regarding Dental Bioaerosol in Indonesia. *Indian Journal of Public Health Research & Development*. 11(11), 271-275.
- Rosidah Binti Ramli. 2016. Faktor Yang Mendorong Tekanan Kerja Di Kalangan Pekerja Sokongan Di Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia. *Journal on Technical and Vocational Education*. 1(1), 1-10.
- Sandesh Ram et al. 2020. Impact of COVID-19 on the Mental Health of Healthcare Professionals in Pakistan. *Cureus*. 12(7), 1-5.
- Shanay Rab, Mohd Javaid, Abid Haleem & Raju Vaishya. 2020. Face Masks Are New Normal After COVID-19 Pandemic. *Clinical Research & Reviews*. 14, 1617-1619.
- Suhaimi Kamarudin dan Muhamad Suhaimi Taat. 2020. Pengaruh Faktor-faktor Tekanan Kerja dalam kalangan Guru di Sekolah Menengah: Satu Analisis Persamaan Struktur (SEM-PLS). *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*. 5(11), 104-115.

- Sukanta, Dessy Agustina Sari, dan Anwar Musadad. 2020. Pelatihan Sistem Manajemen K3 dan New Normal Industri di Pt. Tein Karawang. *Prosiding Seminar Nasional Rekarta 2020*.
- Suyatno Ladiqi. 2020. State Capacity and Public Trust in Handling the COVID-19 Outbreak in Malaysia. *Jurnal Global & Strategis*. 14(2), 257-274.
- Tashya Angelie Tamara dan Ratna Dwi Wulandari. 2021. Perbedaan Individu Sebagai Faktor Penyebab Stres Kerja Pada Tenaga Kesehatan Akibat Pandemi Covid-19: Narrative Literature Review. *Jurnal Ilmu Kesehatan Masyarakat*. 17(1), 22-32.
- Taufik & Hardi Warsono. 2020. Birokrasi Baru untuk New Normal: Tinjauan Model Perubahan Birokrasi Dalam Pelayanan Publik Di Era Covid-19. *Jurnal Ilmu Administrasi Publik*. 2(1).
- Tayyib et al. 2020. Measuring the Extent of Stress and Fear among Registered Nurses in KSA During the COVID-19 Outbreak. *Journal of Taibah University Medical Sciences*. 15(5), 410- 416.
- Xiao et al. 2020. Psychological Impact of Healthcare Workers in China During COVID-19 Pneumonia Epidemic: A Multi-Cross-Sectional Survey Investigation. *Journal of Affective Disorders*. 274, 405-410.
- Yuan et al. 2020. Investigation of Adverse Reaction in Healthcare Personal Working in Level 3 Barrier Protection PPE to Treat COVID-19. *Postgraduate Medical Journal*. 97(1148), 351-354.
- Zafir Mohd Makhbul et al. 2018. Hubungan Stres Pekerjaan Dan Produktiviti: Tinjauan Terhadap Pentadbir Fakulti Universiti Penyelidikan. *Journal of Social Science and Humanities*. 15(5), 168-180.
- Zerbini G et al. 2020. Psychosocial Burden of Healthcare Professionals in Times of COVID-19: A Survey Conducted at The University Hospital Augsburg. *Health Prevention in Medical Personnel*. 18, 1-9.